



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (8)

Tarikh : 5 Jun 2013

## SIARAN MEDIA

### **MENINGKATKAN KESEDARAN TERHADAP MENGURANGKAN PENJANAAN SISA MAKANAN MENERUSI KAYUHAN SANTAI SEMENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA 2013**

Putrajaya, 5 Jun 2013 - Y.B.Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KBPKT) merasmikan Kayuhan Santai Semena Hari Alam Sekitar Sedunia 2013 yang disertai oleh warga KBPKT. Aktiviti kayuhan santai pada petang ini adalah permulaan yang baik kepada Kementerian yang berwajah baru ini kerana ia bertepatan dengan istilah kesejahteraan bandar. Kesejahteraan bandar bukan sahaja tertumpu kepada keunggulan infrastruktur tetapi mesti sejahtera dari segi kerohanian dan kesihatan penduduk.

Sambutan Hari Alam Sekitar 2013 ini bertemakan Think.Eat.Save. adalah bertetapan dengan fungsi Kementerian yang komited dalam usaha mengurangkan penjanaaan sisa makanan. Ini adalah salah satu parameter penting dalam pengurusan sisa pepejal di negara ini. KBPKT menerusi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah menjalankan kajian yang mendapati bahawa sisa pepejal berasaskan sisa makanan ini membentuk 45 peratus dari jumlah sisa pepejal yang dihasilkan di negara ini.

*United Nation Food & Agriculture Organization (FAO)* pula menganggarkan sebanyak 1.3 billion tan sisa makanan dihasilkan setiap tahun bersamaan dengan jumlah pengeluaran makanan di seluruh Sub-Saharan Africa. Malah dalam masa yang sama setiap seorang dari tujuh (7) orang manusia tidur dalam keadaan lapar. Lebih menyedihkan 20,000 kanak-kanak dibawah umur lima (5) tahun di seluruh dunia mati akibat kelaparan setiap hari. Statistik yang menggerunkan ini sewajarnya menyedarkan kita tentang nilai makanan daripada segi sosial dan ekonomi. KBPKT menekan sasaran mengurangkan makanan daripada menjadi sisa pepejal. Pengurusan sisa makanan yang tidak sistematik akan memberi kesan berikut:

Alam sekitar : ia menyebabkan pembebasan gas metana yang menyumbang kepada pemanasan sejagat yang menyebabkan perubahan iklim.

Peningkatan penyakit bawaan vektor (*vector borne diseases*) seperti Leptospirosis atau penyakit berpunca dari air kencing tikus. Bagi mengurangkan kesan sisa pepejal berasaskan sisa makanan ini, KBPKT menerusi Jabatan dan agensi di bawahnya mengambil langkah-langkah berikut:

- Mendidik orang ramai supaya tidak suka membuang sisa makanan di merata-rata tempat dan tidak di lupuskan secara sistematik yang menjadi sumber makanan kepada haiwan vektor seperti tikus.
- Mendidik masyarakat supaya tidak mengamalkan budaya membazir. Beli yang perlu sahaja, masak secukupnya dan habiskan semua masakan.

- Pengkomposan *Takakura Home Method-Compost Chang* oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan (PPSPPA). Ini adalah langkah awal mengurangkan sisa makanan yang mendidik masyarakat bagi menghasilkan baja kompos dari sisa makanan.
- Pengutipan sisa pepejal lebih kerap oleh syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal daripada premis-premis seperti restoran-restoran dan gerai-gerai makanan bagi menghalang sisa makanan daripada menjadi haiwan tikus ini bagi pengurangan pembiakan tikus.
- Projek Perintis Penubuhan Bank Makanan di Petaling Jaya: Ini adalah Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak swasta bagi mengurangkan sisa makanan. Inisiatif ini dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Syarikat-syarikat pengilang makanan di sekitar Petaling Jaya yang bertindak menyumbang makanan untuk diagihkan kepada rumah-rumah anak yatim.
- Rawatan *Anaerobic Digester* di mana Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dengan kerjasama Indah Water Konsortium akan merawat sisa makanan dari hotel-hotel sekitar Kuala Lumpur di loji kumbahan sedia ada milik IWK di Sungai Besi. Pendekatan pengasingan sisa pepejal dapat mengasingkan sisa organik atau sisa makanan daripada sisa pepejal yang boleh dikitar semula.

Kayuhan santai yang pertama anjuran Kelab Sukan Dan Kebajikan KBPKT ini juga amat bermakna kerana hari ini 5 jun adalah Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut oleh masyarat antarabangsa. Majlis pada petang ini juga dihadiri oleh YB Datuk Halimah Bt Mohd Sadique :Timbalan Menteri KKBPKT, Datuk Arpah Bt Abdul Razak :Ketua Setiausaha KKBPKT dan Pengurusan Tertinggi KKBPKT.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KBPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)